


|             |                                      |            |               |
|-------------|--------------------------------------|------------|---------------|
| Headline    | Gelongsor air terpanjang kini dibuka |            |               |
| MediaTitle  | Sinar Harian                         |            |               |
| Date        | 10 Nov 2019                          | Language   | Malay         |
| Circulation | 140,000                              | Readership | 420,000       |
| Section     | Selangor & KL                        | Page No    | 33            |
| ArticleSize | 783 cm <sup>2</sup>                  | Journalist | SYAJARATULHUD |
| PR Value    | RM 49,800                            |            |               |



Gelongsor terpanjang di dunia kini dibuka untuk orang ramai.



Gravity Play menjanjikan keseronokan berbeza kepada pengunjung.

# Gelongsor air terpanjang kini dibuka

**Gelongsor sepanjang 1.140km itu terima kunjungan orang ramai bermula semalam**

SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

BALIK PULAU

**G**elongsor air terpanjang di dunia di Taman Tema Escape, Teluk Bahang di sini telah dibuka untuk kunjungan orang ramai bermula semalam.

Gelongsor air sepanjang 1.140 kilometer (km) yang mencatatkan sejarahnya tersendiri apabila menerima pengiktirafan daripada Guinness World Record (GWR) September lalu itu terkandung dalam fasa ketiga iaitu *Gravity Play*.

Ketua Pegawai Eksekutif Taman Tema Escape Pulau Pinang, Sim Choo Kheng berkata, gelongsor dengan ketinggian 70 meter itu telah mengatasi rekod dunia



Choo Kheng (tengah) menandatangani perjanjian dengan TNB yang bertanggungjawab dalam pemasangan sistem solar di taman tema tersebut.

0.602km milik taman tema Action Park di Vernon, New Jersey, Amerika Syarikat pada 2015.

Menurutnya, dengan pembukaan *Gravity Play* itu, pihaknya menjangkakan jumlah pengunjung akan naik 15 peratus daripada 185,000 pengunjung yang direkodkan pada tahun lalu.

"Gelongsor air ini menelan kos pembinaan RM5 juta termasuk satu laluan *ski lift* untuk membawa pengunjung ke puncak bukit. Ia mengambil masa lapan

bulan untuk menyiapkan fasa ketiga ini.

"Gelongsor yang dibina di kawasan bukit itu menghubungkan taman permainan *Adventure Play* dan *Water Play*. Cabaran terbesar dalam proses pembinaan adalah untuk mengelak menumbang pokok di sekeliling kawasan bukit bagi mengekalkan kehijauan alam sekitar," katanya pada sidang akhbar semalam.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Pembukaan

Taman Tema Escape oleh Ketua Menteri, Chow Kon Yeow dan disaksikan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Choo Kheng berkata, Taman Tema Escape akan muncul sebagai taman tema pertama di Asia yang menggunakan tenaga yang diperbaharui (*renewable energy*) pada penghujung tahun hadapan.

"Taman Tema Escape semanganya sebuah taman tema yang mengutamakan kehijauan alam sekitar apabila kita masih mengekalkan keadaan sebenar lokasi. Selaras dengan itu, kita akan menggunakan tenaga yang diperbaharui melalui sistem panel solar.

"Oleh itu, taman ini dapat mengurangkan sumber tenaga dan menjadi neutral karbon. Ia 100 peratus bergantung kepada teknologi tenaga yang diperbaharui. Ada dua taman tema di Amerika Syarikat menggunakan sistem yang sama namun di Asia, kita yang pertama," katanya.

Tambahnya, dengan penggunaan sistem panel solar tersebut,



pihaknya mampu mengurangkan kos bekalan tenaga elektrik sebanyak 15 peratus.

"Panel solar akan dipasang di kawasan taman ini dengan keluasan 6,000 kaki persegi dan ia mengambil masa

enam bulan hingga setahun. Kita jangkakan ia akan mula beroperasi pada hujung tahun depan. Syarikat milik Tenaga Nasional Berhad (TNB), GSPARX Sdn Bhd yang akan dipertanggungjawabkan dengan pemasangan ini. "GSPARX akan menyediakan pengeluaran modal untuk pemasangan dan penyelenggaraan sistem solar ini selama 25 tahun yang melibatkan pelaburan sehingga RM2 juta. Usaha ini bagi menyokong usaha kerajaan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau," katanya.

Taman Tema Escape Pulau Pinang mempunyai lebih 40 tarikan utama termasuk meneroka terowong, memanjat pokok, *fl-ying fox* dan *kite flyers* di *Adventure Play* dan *water slide*, *lazy river*, *speed racer* serta *waveball* di *Water Play*.



Choo Kheng (kiri) bersama Kon Yeow dan Guan Eng (tengah) ketika Majlis Perasmian Pembukaan Taman Tema Escape semalam.



Pengunjung menikmati keseronokan bermain gelongsor di Taman Tema Escape.



Ski lift turut disediakan untuk pengunjung mendaki bukit untuk ke Gravity Play.